

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HKN 305 Fiksyen Melayu Moden

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Jawapan untuk Bahagian A perlu diserahkan berasingan dari jawapan untuk Bahagian B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Dalam detik yang sama watak Salina dalam novel Salina adalah seorang revolusioner dan juga seorang reaksioner. Bincangkan.
2. Dirumuskan bahawa langgam penceritaan S. Othman Kelantan dalam novelnya Juara adalah langgam penceritaan dua cerita yang berkembang secara selari. Sejauh manakah berkesannya langgam penceritaan seumpama ini kepada anda.
3. Kelemahan novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur berpunca dari penceritaan yang terlalu dikongkong oleh idea-idea yang amat menjurus kepada reformasi sosial. Huraikan kelemahan-kelemahan novel ini, terutama aspek perwatakannya.
4. Penceritaan dalam novel Daerah Zeni lebih bersifat kesepontanan. Pengarang lebih bebas mengolah cerita tanpa ikatan pada disiplin-disiplin yang tunduk kepada ciri-ciri konvensional dalam penciptaan novel sehingga disimpulkan bahawa novel ini anti-plot, anti-wirawan, anti-latar dan anti-kisah. Bincangkan.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Novel Tunggul-Tunggul Gerigis karya Shahnon Ahmad mengadunkan persoalan ketuhanan, manusia dan kosmos yang dijalin secara erat dan padu. Keseimbangannya ini diperkuuhkan dengan gaya, teknik dan sikap pengarangnya yang amat gemar dengan watak manusia gila. Bincangkan pendapat di atas dengan memberi tumpuan kepada watak Su Usul.
6. Mengikut teori Freud, manusia tidak dapat diadili berdasarkan satu titik masa di dalam hidupnya. Berdasarkan kepada cerpen "Kalbu" karya Shahnon Ahmad dan "Kritikus Adinan" karya Budi Darma:
 - (a) Bincangkan bagaimakah pandangan ini dapat menjelaskan kondisi neurosis yang dialami oleh watak Sdr. T. dalam "Kalbu" dan Kritikus Adinan di dalam "Kritikus Adinan"?
 - (b) Dengan skema-rajah yang bersesuaian perlihatkan bagaimakah topografi pemikiran Freud dapat menjelaskan proses kreatif para cerpenisnya?
7. Pada tanggapan anda, sejauh manakah khalayak umum dapat menerima kaedah pencernaan cerpen-cerpen berkecenderungan baru dalam arena penulisan kreatif di Malaysia atau Indonesia. Tanggapan anda wajib disertai dengan sokongan hujah yang kritis dan contoh-contoh cerpen yang bersesuaian.
8. Kaji cerpen-cerpen karya Danarto seperti "Dinding Ibu", "Dinding Anak", "Adam Ma'rifat" dan "Mereka Toh Tidak Mungkin Menjaring Malaikat".

Berdasarkan kajian anda, perlihatkan sejauh manakah dikatakan bahawa cerpen-cerpen mutakhir karya Danarto didasari oleh pengalaman sufisme.

-oooo000oooo-